



PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) CAWANGAN MELAKA
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PELAJARAN MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2010

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D.
Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada
kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Berfikirilah dengan teliti ketika anda memilih jawapan. Jika anda hendak memukar sesuatu
jawapan, padamkan tanda yang tidak dikehendaki itu sehingga bersih dan kemudian
hitamkan pilihan anda yang baharu.*

Kertas Soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

Soalan 1 hingga Soalan 7


Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Pelayan restoran itu sedang _____ makanan untuk pelanggannya.
A menjulang
B menatang
C mengangkat
D menjunjung
2. Perjumpaan Hari Keluarga diadakan bertujuan agar ahli-ahlinya dapat _____ antara satu sama lain.
A tahu-menahu
B tengok-menengok
C soal-menyual
D kenal-mengenal
3. Badannya kelihatan _____ akibat tidak lalu makan selama beberapa hari.
A kecut
B surut
C susut
D lurut

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4. Jentera berat di atas digunakan untuk meratakan tanah sehingga menjadi _____
- A mampat
 - B rapat
 - C kental
 - D kukuh
5. Walaupun arahan untuk meninggalkan kawasan itu telah diberikan, namun terdapat sebilangan penduduk yang _____ belum berbuat demikian.
- A sungguh
 - B sekali
 - C selalu
 - D masih
6. Seharusnya usahawan bumiputera perlu lebih _____ dalam menghadapi dunia perniagaan yang begitu mencabar.
- A kuat kuasa
 - B kuat usaha
 - C kuat duga
 - D kuat cuba
7. Pihak kerajaan telah menunjukkan data-data _____ menjawab soalan daripada pihak pembangkang.
- A untuk
 - B yang
 - C agar
 - D supaya

14. Peserta-peserta yang layak menghadiri program tersebut telah dipilih
oleh kami pada minggu lepas. Tiada kesalahan
- A B
C D

Soalan 15 hingga Soalan 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan kata yang berhuruf condong dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih jawapan cadangan yang paling sesuai.

15. I Kita hendaklah mengikut *rasmi* padi yang semakin berisi semakin tunduk.
II Perdana Menteri telah membuka secara *rasmi* Dataran 1 Malaysia di Melaka baru-baru ini.
III "Berpakaianlah yang sesuai ketika menghadiri majlis *rasmi*," tegur Encik Mustafa kepada anaknya.
IV Anggota masyarakat digalakkan menggunakan bahasa *rasmi* dengan betul sama ada dalam pertuturan mahupun dalam penulisan.
- A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II, dan IV sahaja
D II, III, dan IV sahaja
16. I Baja itu hendaklah ditaburkan *rata-rata*.
II *Rata-rata* pelajar Tahun Satu itu sudah bersekolah tadika.
III Dalam masa yang singkat saja, berita kejadian itu *rata-rata* ke seluruh kampung.
IV Seluruh kawasan bukit itu akan dijadikan *rata-rata* tapak perumahan.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
17. I Telinga budak itu yang *kasar* menjadi perhatian ramai.
II Ayahnya ialah seorang buruh *kasar*.
III Perabot itu cepat rosak kerana *kasar* buatannya.
IV Perbelanjaan hariannya dikira secara *kasar* sahaja.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C II, III, dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV

Soalan 18 hingga Soalan 21

Sebahagian daripada ayat yang berikut telah digarisi. Bahagian yang bergaris itu mungkin mempunyai kesalahan dalam penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Jika anda menganggap bahawa pada bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, anda hendaklah menandakan A, B, atau C sebagai jawapan pilihan anda. Jika tiada kesalahan, tandakan D.

18. Bayaran yang berlebihan itu saya telah kembalikan kepadanya semula.
- A telah dikembalikan oleh saya
 - B telah dikembalikan saya
 - C telah saya kembalikan
 - D saya telah kembalikan
19. "Jika sekiranya di antara kamu ada apa-apa masalah, hubungilah saya," kata Cikgu Hisyam.
- A Sekiranya antara
 - B Sekiranya di antara
 - C Jika sekiranya antara
 - D Jika sekiranya di antara
20. Pelumba basikal itu saling potong-memotong bila tiba di selekoh terakhir perlumbaan.
- A saling memotong bila
 - B saling memotong apabila
 - C saling potong-memotong apabila
 - D saling potong-memotong bila
21. Semua murid diarahkan agar memusingkan badan mereka ke kiri dan ke kanan.
- A ke kiri kanan
 - B kiri dan kanan
 - C ke kiri dan kanan
 - D ke kiri dan ke kanan

Soalan 22 hingga Soalan 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 22. Neneknya berkata, “Cucuku, janganlah kamu membuang masa dengan sia-sia kerana masa itu emas”.**
- A Cucunya dinasihati nenek supaya mengisi masa dengan melakukan perkara yang berfaedah kerana masa itu amat bernilai.
 - B Nenek meminta cucunya agar tahu menilai masa dan tidak mensia-siakan nasihat yang diberikannya.
 - C Nenek melarang cucunya kerana tidak tahu menghargai masa yang terbuang begitu sahaja.
 - D Nenek menasihati cucunya agar mengisi masa yang terluang dan bijak menilainya.
- 23. Penduduk kampung menentang usaha mendirikan kilang kelapa sawit kerana dikhuatiri akan mencemari alam sekitar.**
- A Pembinaan kilang kelapa sawit yang mencemarkan alam sekitar dibatalkan kerana mendapat bantahan daripada penduduk kampung.
 - B Bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar, pembinaan kilang kelapa sawit dibatalkan oleh penduduk kampung.
 - C Oleh sebab kilang kelapa sawit didirikan, penduduk kampung bimbang akan pencemaran alam sekitar.
 - D Kerana bimbang akan mencemarkan alam sekitar, penduduk kampung membantah pembinaan kilang kelapa sawit.
- 24. Semangat muhibah penting bagi menjamin ketenteraman masyarakat di negara ini.**
- A Kepentingan utama masyarakat di negara ini ialah semangat muhibah dan jaminan ketenteraman.
 - B Masyarakat di negara ini dituntut supaya mengutamakan semangat muhibah.
 - C Keharmonian masyarakat di negara ini dapat dikekalkan andainya semangat muhibah diberi keutamaan.
 - D Masyarakat di negara ini diberi jaminan bahawa semangat muhibah akan terus berkekalan.

Soalan 25 hingga Soalan 27

Pilih ayat-ayat yang betul dan tentukan bahawa anda telah memilih jawapan cadangan yang paling sesuai.

25. I Wang yang saya jumpai itu telah saya serahkan ke pihak polis.
II Mereka sekeluarga menaiki bas ekspres dari Johor Bahru ke Pulau Pinang.
III Hal-hal lain akan dibincangkan pada bahagian akhir mesyuarat.
IV Ayah meminta Pak Amin menjemput saya pulang dari sekolah oleh kerana beliau sibuk dengan urusan pejabat.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C III, dan IV sahaja
D I, II, dan IV sahaja
26. I Mini tudung yang dipakai oleh ibu agak labuh.
II Kerja-kerja pendalaman sungai itu akan dibuat secepat mungkin.
III Majlis itu diadakan untuk mempererat hubungan antara jiran tetangga.
IV Restoran Sari Selera letaknya di Jalan Sialang.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C II, III, dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV
27. I Hari Kantin diadakan untuk mengisi tabung kewangan sekolah.
II Puan Intan sering teringat-ingat peristiwa kebakaran yang telah memusnahkan rumahnya dulu.
III Dia asyik memandang kepada saya daripada tadi lagi.
IV Puan Aini mengucapkan syukur dengan Tuhan kerana suaminya selamat pulang ke tanah air.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, III, dan III sahaja
D I, III, dan IV sahaja

Soalan 28 hingga Soalan 30

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan peribahasa di bawah ini.

- 28 Peribahasa yang berikut dapat dikaitkan dengan jasa seseorang yang disebut-sebut walaupun orang itu telah tiada **kecuali**
- A manusia mati meninggalkan nama
 - B ayam mati meninggalkan taji
 - C harimau mati meninggalkan belang
 - D gajah mati meninggalkan gading
- 29 Agak sukar untuk mewujudkan semangat kejiranan yang benar-benar bersatu padu berikutan hakikat hidup manusia yang berbeza pandangan, sikap, dan keinginan. Hal ini dikatakan sebagai
- A di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
 - B jiran muafakat membawa berkat
 - C rambut sama hitam, hati lain-lain
 - D sekali air bah, sekali pasir berubah
- 30 Keuntungan yang diharapkan tidak diperoleh, sebaliknya yang ada terlepas atau lesap. Peribahasa yang menunjukkan maksud di atas ialah ...
- A yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran
 - B tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan
 - C kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya
 - D jika tiada angin, masakan pokok bergoyang

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Eh, Ngin! Tengok tu, tengok!” jerit Puan Antagi bernada cemas.

Ungin semakin mendekat. Indusai juga turut memerhatikan penuh teliti.

“Busut mati?” jerit Indusai terkejut besar.

“Busut mati, mak? Kasihan. Umurnya tak panjang, Busut!” jerit Ungin, terkejut dan sedih. Tubuh mawas yang terkulai itu ditatap sayu.

“Tengok ni, anaknya pun lemah juga. Tentu ia menangis,” celah Indusai sambil menguis-nguis kayu di tangannya ke arah Cendawan. “Agaknya, Busut tu mati sebab lukanya parah. Kelmarin semasa abang bawa balik, banyak darah di kaki kanannya. Agaknya banyak darah keluar tak?”

“Kalau emaknya mati, lama kelamaan Si Cendawan ini tentu mati sebab tidak lalu makan,” sela Puan Antagi memberikan gambaran buruk.

“Kalau Cendawan mati, ah... sedihnya! Lagipun, kata abang, kami nak pelihara dua beranak ni sementara saja. Lepas itu abang nak tulis surat kepada Pak Cik Piyot yang bekerja di Pusat Pemuliharaan Hidupan Liar Lanjak-Entimau. Suruh pihak mereka ambil. Lagipun kami tahu memelihara binatang yang dilindungi menjadi kesalahan. Err, melanggar Akta Perlindungan Hidupan Liar. Tapi ... belum sempat kita pulihkan mereka ...,” ujar Ungin pula, dia tidak meneruskan kata-katanya.

Ungin segera masuk ke dalam kandang. Dia kian mendekati Busut dan Cendawan. Tangannya merasa-rasa nadi di lengan Busut. Ah, masih ada!

“Jangan bimbang,” luah Ungin sedikit tersenyum. “Ia cuma pengsan saja. Mari kita buka ikatan yang membelit kakinya. Tak perlulah diikat. Ia tak akan mengganas. Kita hendak tolong ia dan anaknya. Tentu ia tahu. Lepas itu buka ikatan pada kaki Cendawan. Tentu rimas kalau hidup tak bebas. Sudah dikurung, diikat pula.”

Puan Antagi beredar setelah melihat anaknya terkial-kial hendak membuka tali kulit kayu yang mencerut kuat pangkal kaki Busut.

(Dipetik daripada antologi *Seuntai*
Kata untuk Dirasa, Tingkatan 2, DBP)

31 Puan Antagi meminta Ungin datang segera kepadanya untuk ...

- A melihat Busut yang telah mati
- B menentukan keadaan Cendawan tidak lemah
- C memberitahu banyak darah keluar pada kaki kanan Busut
- D memastikan Busut dapat diberi bantuan untuk diselamatkan

- 32 Ungin hendak menghubungi Pak Cik Piyot kerana ...
- A cuba meminta pertolongan beliau untuk mengesan orang yang menganiyai Busut dan Cendawan.
 - B akan menyerahkan Busut dan Cendawan kepada pihak berkuasa oleh sebab memelihara mawas adalah suatu kesalahan
 - C mahu mendapatkan bantuan bagi merawat luka yang dialami oleh Busut.
 - D ingin menyerahkan Busut kepada pihak yang berkuasa setelah menjangka haiwan itu tidak dapat hidup lama.
- 33 Berikut merupakan sikap yang terdapat pada watak Puan Antagi kecuali ...
- A cepat bertindak
 - B bijak mentafsir
 - C ramah mesra
 - D mudah risau
- 34 Nilai murni yang dimiliki oleh Ungin dan Indusai ialah ...
- A cekal dan amanah
 - B jujur dan hemah tinggi
 - C bertanggungjawab dan berwaspada
 - D kasih sayang dan belas kasihan
- 35 Tema cerpen, '*Erti Kasih Makna Sayang*' adalah tentang ...
- A sikap manusia yang kerap melanggar undang-undang
 - B kasih sayang manusia terhadap haiwan
 - C cinta akan flora dan fauna
 - D kekesalan menganiyai haiwan

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca syair di bawah ini dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Syair Tenaga Pemuda

Tenaga pemuda kalau diasuh,
Pimpin dan didik kotor dibasuh,
Tidaklah ia menjadi lusuh,
Amat berguna menentang musuh.

Tenaga pemuda memang terbilang,
Tenaga yang sedang gilang-gemilang,
Beban yang berat dapat dijulang,
Benda yang jauh dapat dijelang.

Tenaga pemuda tenaga bererti,
Tenaga yang berani menempah mati,
Tidak mengenal erti nanti,
Hanya penuh kemahuan mesti.

Tenaga pemuda mestilah sayang,
Jangan biarkan lemah dan goyang,
Di waktu muda tenaga kencang,
Berani sampai berputih tulang.

Tenaga pemuda kalau dijaga,
Kelak akhirnya sangat berharga,
Tenaga yang menjadi harapan bangsa,
Gagah berani mempertahankan negara.

*(Dipetik daripada Antologi
Anak Bumi Tercinta, Tingkatan 3, DBP)*

36 Maksud rangkap pertama 'Syair Tenaga Pemuda' ialah golongan belia ...

- A yang lemah akan mudah dikalahkan oleh musuh.
- B yang tidak bersemangat perlu diberi tanggungjawab menentang musuh.
- C perlu dididik kerana mereka merupakan aset bagi menentang musuh.
- D perlu bersedia untuk menentang musuh.

- 37 Tenaga muda dikatakan bermakna sekiranya ...
- A sanggup bergadai nyawa
 - B mampu menyelesaikan masalah
 - C bijak mengatur strategi
 - D cekap mengurus diri
- 38 'Berani sampai berputih tulang' merupakan unsur gaya bahasa ...
- A personifikasi
 - B peribahasa
 - C metafora
 - D simile
- 39 Perkataan yang menunjukkan unsur gaya bahasa anafora dalam rangkap kedua 'Syair Tenaga Pemuda' ialah ...
- A tenaga
 - B beban
 - C benda
 - D yang
- 40 Pengajaran yang terdapat dalam 'Syair Tenaga Pemuda' ialah ...
- A kita perlulah menggunakan tenaga belia dalam segala hal yang berkaitan dengan keselamatan negara.
 - B kita haruslah meletakkan tanggungjawab mempertahankan negara kepada golongan belia semata-mata.
 - C kita mestilah menurut kemahuan golongan belia agar mereka tidak menjadi beban kepada negara.
 - D kita hendaklah mendidik golongan belia supaya mereka dapat berbakti kepada negara.

KERTAS SOALAN TAMAT